



PELUANG PEMBIAYAAN UNTUK PEMBANGUNAN LADANG HUTAN

KRITERIA DAN SYARAT PEMBIAYAAN PEMBANGUNAN LADANG HUTAN 4 HEKTAR DAN KE ATAS

KRITERIA PEMBIAYAAN

BIL	PERKARA	KRITERIA
1.	Pemohon	<ul style="list-style-type: none">• Syarikat, Koperasi atau Pertubuhan Peladang perlu mengusahakan ladang hutan dengan spesies yang diluluskan di bawah PPLH.
2.	Ekuiti	<ul style="list-style-type: none">• Syarikat, Koperasi atau Pertubuhan Peladang perlu mempunyai 100% ekuiti tempatan serta berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Koperasi 2007 atau Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).• Syarat pemilikan ekuiti tempatan bagi syarikat tersenarai awam adalah minimum 51% dan syarat pemilikan ekuiti tempatan bagi syarikat tidak tersenarai adalah 100%.• Bagi syarikat usahasama di antara pelabur tempatan dan pelabur asing, kelayakan pembiayaan adalah terhad kepada pegangan ekuiti tempatan.• <i>Bagi syarikat yang mempunyai equiti pegangan warga asing, jumlah pembiayaan tertakluk kepada jumlah equiti pegangan warganegara sahaja.</i>

BIL	PERKARA	KRITERIA
3.	Modal berbayar	<ul style="list-style-type: none"> • Modal berbayar syarikat/ koperasi hendaklah tidak kurang dari 10% dari nilai permohonan pembiayaan. • Bagi Pertubuhan Peladang modal berbayar tidak diperlukan tertakluk dibawah akta Pertubuhan Peladang yang tidak mempunyai modal berbayar.
4.	Deposit	<ul style="list-style-type: none"> • Pemohon perlu menyediakan wang deposit sebanyak 5% dari jumlah pembiayaan yang dipohon semasa penyempurnaan perjanjian pinjaman / penolakan daripada jumlah kelulusan pinjaman oleh FPDSB sebagai sekuriti jaminan sepanjang tempoh pembiayaan.
5.	Tanah	<p>Pajakan / Pemilikan adalah hanya bagi perniagaan berstatus <i>Sendirian Berhad</i> yang di daftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</p> <p>Spesies yang ditanam / dipohon hendaklah dinyatakan di dalam Perjanjian Pajakan atau syarat nyata Hakmilik Tanah atau diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.</p> <p><u>Getah TLC dan Spesies Hutan</u> Mempunyai tanah yang sesuai untuk perladangan hutan sama ada milik sendiri atau pajakan tidak kurang dari 20 tahun atau lebih dengan keluasan tanah 4 hektar dan ke atas.</p> <p><u>Spesies Buluh, Paulownia dan Eucalyptus</u> Mempunyai tanah yang sesuai untuk perladangan hutan sama ada milik sendiri atau pajakan tidak kurang dari 15 tahun atau lebih dengan keluasan tanah 4 hektar dan ke atas.</p>

BIL	PERKARA	KRITERIA
		<p><u>Semenanjung Malaysia:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ladang hutan yang diusahakan hendaklah di atas tanah hakmilik Kerajaan atau milik persendirian dan kawasan yang telah diperuntukkan untuk ladang hutan (bagi Hutan Simpan Kekal (HSK)). <p><u>Sarawak :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ladang hutan yang diusahakan hendaklah di atas tanah hakmilik Kerajaan atau milik persendirian dan dalam kawasan yang diberikan <i>License for Planted Forest</i> (LPF). <p><u>Sabah :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ladang hutan yang diusahakan hendaklah di atas tanah hakmilik Kerajaan atau milik persendirian dan hanya kawasan dibawah <i>Industrial Tree Planting</i> (ITP) bagi <i>Sustainable Forest Management Licence Agreement</i> (SFMLA).
6.	Cagaran	<ul style="list-style-type: none"> • Hak penuaian pokok hutan akan dicagarkan kepada FPDSB melalui <i>Deed of Assignment</i> • <i>Directors' personal guarantee</i> <ul style="list-style-type: none"> - Untuk Koperasi / Pertubuhan Peladang - 3 orang pegawai utama akan memberi jaminan. - Untuk syarikat – kesemua pengarah syarikat akan memberi jaminan (bagi syarikat yang mempunyai seorang pengarah - syarat minima sekurang-kurangnya 2 orang pengarah syarikat akan memberi jaminan) • <i>Corporate Guarantor</i> – boleh dipertimbangkan dengan jaminan bersama dari pengarah syarikat sekurang-kurangnya 2 orang.

BIL	PERKARA	KRITERIA
		<ul style="list-style-type: none"> • <i>Power of Attorney</i> (surat kuasa wakil yang memberi kuasa kepada FPDSB untuk mengusaha dan menuai hasil di dalam kawasan cagaran) • Mendapat <i>Letter of Comfort</i> dari Jabatan Hasil Bumi, Sabah bagi pemegang <i>Sustainable Forest Management Licence Agreement (SFMLA)</i>, jika mempunyai kelulusan dalam kawasan <i>Industrial Tree Plantation</i> (ITP).
7.	Anak benih	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat / Koperasi / Pertubuhan Peladang perlu membeli anak benih dari FPDSB. <p><i>Walaupun bagaimanapun sekiranya FPDSB tidak boleh membekalkan jumlah tersebut pelanggan dibenarkan mendapatkan anak benih dari pembekal swasta atau melalui penubuhan tapak semaian sendiri atau lain-lain sumber setelah memastikan spesies tersebut dengan MTIB /FPDSB/ FRIM/ LGM/ JPSM.</i></p>
8.	Rekod kewangan	<p>Syarikat / Koperasi hendaklah mempunyai rekod kewangan yang baik; (berdasarkan penilaian oleh FPDSB terhadap laporan kewangan beraudit)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laporan kewangan beraudit untuk 3 tahun terakhir; • Akaun pengurusan yang disahkan oleh akauntan berdaftar bagi syarikat/koperasi yang baru ditubuhkan; • <i>Annual return</i> yang disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM); dan • Penyata bank untuk 3 bulan terakhir. • <i>Cash Flow</i> syarikat / projek.

SYARAT PEMBIAYAAN

BIL	PERKARA	SYARAT
1.	Pemohon	<ul style="list-style-type: none">• Syarikat, Koperasi atau Pertubuhan Peladang perlu mengusahakan ladang hutan dengan spesies yang diluluskan di bawah PPLH.• Pembiayaan PPLH ini adalah bagi aktiviti pembangunan ladang sahaja dan bukan untuk lain-lain tujuan dan aktiviti.
2.	Keperluan Teknikal	<ul style="list-style-type: none">• Laporan <i>Environment Impact Assesment</i> (EIA) / <i>Environment Management Plan</i> (EMP) ke atas kawasan projek yang hendak dimajukan tertakluk kepada peraturan yang berkuatkuasa.• Laporan <i>Forest Plantation Management Plan</i> (FPMP) / <i>Bamboo Plantation Management Plan</i> (BPMP) ke atas kawasan projek perlu dimajukan tertakluk kepada peraturan yang berkuatkuasa.• Pemohon perlu mengemukakan peta digital bagi kawasan yang dipohon kawasan (<i>hardcopy</i>) dan peta digital dalam format <i>shapefile</i> (<i>softcopy</i>) yang disahkan.• Kawasan permohonan hendaklah di luar kawasan yang dizonkan sebagai Central Forest Spine (CFS) bagi Semenanjung Malaysia.
3.	Kadar pembiayaan	<ul style="list-style-type: none">• Kadar pembiayaan Semenanjung Malaysia :<ol style="list-style-type: none">i. Spesies Getah : RM10,000 sehektarii. Spesies Hutan dan Eucalyptus : RM8,000 sehektariii. Spesies Buluh dan Paulownia : RM10,000 sehektar

		<ul style="list-style-type: none"> • Kadar pembiayaan Sabah & Sarawak: <ul style="list-style-type: none"> i. Spesies Getah : RM13,000 sehektar ii. Spesies Hutan dan Eucalyptus :RM8,000 sehektar iii. Spesies Buluh dan Paulownia : RM10,000 sehektar • Pembiayaan ini adalah bagi membiayai kos pembangunan ladang iaitu bagi aktiviti pembersihan dan penyediaan kawasan, penanaman dan penyelenggaraan. • Tempoh pembayaran bagi aktiviti penyelenggaraan : <ul style="list-style-type: none"> i. Spesies Getah : 5 tahun ii. Spesies Hutan : 5 tahun iii. Spesies Buluh, Paulownia dan Eucalyptus : 3 tahun
4.	Kadar Keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> • FPDSB mengenakan keuntungan sepertimana harga jualan yang akan ditetapkan setiap tahun. • Berasaskan kadar keuntungan dipermodalkan mengikut asas tahunan dalam tempoh pertanggunghan dan harga jualan dipermodalkan mengikut asas harian dalam tempoh pembayaran balik kepada FPDSB.
5.	Tempoh pinjaman	<p>Tempoh Pinjaman:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Spesies Getah : 13 tahun ii. Spesies hutan :13 tahun iii. Spesies Buluh, Paulownia dan Eucalyptus : 12 tahun <p>Tempoh Pertanggunghan (<i>grace period</i>):</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Spesies Getah : 8 tahun ii. Spesies Hutan : 8 tahun iii. Spesies Buluh, Paulownia dan Eucalyptus : 7 tahun <p>Tempoh Pembayaran Balik (<i>repayment period</i>) :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Spesies Getah : 5 tahun ii. Spesies hutan : 5 tahun

		<p>iii. Spesies Buluh, Paulownia dan Eucalyptus : 5 tahun</p> <p>Pembayaran balik pembiayaan termasuk keuntungan akan bermula selepas tamat tempoh tangguhan dan pembayaran balik diselesaikan dalam tempoh pembayaran balik (repayment period) sehingga tempoh pembiayaan tamat.</p> <p>Keuntungan ke atas pembiayaan akan dikenakan sebaik sahaja pembiayaan dikeluarkan.</p> <p>Pembiayaan akan disalurkan berdasarkan kepada progres kemajuan siap kerja di lapangan dan kelulusan jawatankuasa Tuntutan Pengeluaran Pembiayaan PPLH.</p>
6.	Perjanjian Pajakan (Hutan Simpan Kekal/Hak Milik Individu / Pajakan dengan Kerajaan Negeri)	<ul style="list-style-type: none"> • Perjanjian Pajakan asal dengan kerajaan Negeri hendaklah diserahkan hak/simpan oleh FPDSB sebagai dokumen sekuriti. • Hak milik Individu asal hendaklah diserahkan hak/simpan oleh FPDSB sebagai dokumen sekuriti. • Penyerah hak ke atas tanah (<i>Assignment</i>) / Cagaran ke atas tanaman di ladang akan diserahkan kepada FPDSB sehingga selesai pembayaran balik pembiayaan. • Sebarang proses bagi menuai / menebang dan menjual kayu dan hasil dari kayu perlu mendapatkan kelulusan / kebenaran daripada FPDSB.
7.	Laporan kemajuan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan juga perlu mengemukakan Laporan Kemajuan Fizikal dan akaun projek setiap suku tahun kepada FPDSB. • Laporan Pematuhan Tahunan perlu dikemukakan kepada FPDSB.
8.	Anak benih	<ul style="list-style-type: none"> • Syarikat / Koperasi / Pertubuhan Peladang perlu membeli anak benih dari FPDSB. <p><i>Walaupun bagaimanapun sekiranya FPDSB tidak boleh membekalkan jumlah tersebut pelanggan dibenarkan mendapatkan anak benih dari pembekal swasta atau melalui</i></p>

		<i>penubuhan tapak samaian sendiri atau lain-lain sumber setelah memastikan spesies tersebut dengan MTIB /FPDSB/ FRIM/ LGM/ JPSM.</i>
9.	Kadar keuntungan Fee pengurusan dan Professional Servis	<ul style="list-style-type: none"> • FPDSB mengenakan peminjam 1% daripada jumlah pembiayaan bagi Fee Pengurusan dan Profesional Servis bagi pengurusan permohonan pelanggan, perjanjian pembiayaan dan pengurusan ladang untuk tempoh 13 tahun sehingga bayaran balik pembiayaan.

PROSEDUR PERMOHONAN PEMBIAYAAN MUDAH

KESEMUA PERMOHONAN PEMBIAYAAN PERLU MENGHANTAR / MEMBERIKAN DOKUMEN-DOKUMEN SEPERTI DI BAWAH BAGI MELENGKAPKAN PERMOHONAN:

1. Surat Permohonan;
2. Borang Permohonan;
3. Profail Syarikat;
4. Carta Organisasi Syarikat;
5. Salinan Borang 9, 24 and 49 di bawah Akta Syarikat yang disahkan;
6. Salinan Kad Pengenalan setiap Pengarah Syarikat & Pemegang Saham
7. Salinan '*Memorandum & Article of Association*' yang disahkan (full set);
8. Form J (yang disahkan), jika berkaitan;
9. Satu Salinan Geran ("*Land Title [Ownership]*") yang disahkan atau Perjanjian Pajakan ("*Leasehold Agreement*") - (Perjanjian di antara pemilik/pemohon dengan Kerajaan Negeri & jabatan Hutan Negeri, jika berkaitan)
10. Kertas Kerja Cadangan Projek dan '*Forest Plantation Management Plan (FPMP)*'
11. Laporan Kewangan yang telah diaudit untuk 3 tahun terakhir (yang disahkan);
12. Penyata Akaun untuk 3 bulan terakhir (yang disahkan);
13. *Cash Flow* Syarikat terkini
14. Satu salinan EIA atau EMP tertakluk kepada syarat pihak berkuasa berkaitan.
15. Peta kawasan permohonan dalam format *hardcopy* dan *softcopy (shapefile)* (yang disahkan)

Permohonan bersama dengan dokumen-dokumen yang lengkap perlu dihantar kepada:

**Forest Plantation Development Sdn. Bhd. (FPDSB)
12th Floor, Menara PGRM, Tower 2,
No. 8 Jalan Pudu Ulu, Cheras,
50728 Kuala Lumpur.
Tel: 03 9282 9000 Faks: 03 9286 1003 / 03 9286 1002**